

Oleh SITI AMINAH MOHD. YUSOF
 Foto SAIFUL BAHARI ASHARI

RENCANA UTAMA


BILIK rekreasi haiwan kesayangan antara kemudahan yang terdapat di UVH.



TIGA doktor veterinar melakukan pembedahan pada seekor kucing di dewan bedah di UVH.



KLINIK veterinar bergerak antara kemudahan yang ditawarkan.

'Pesakit' UVH mendapat layanan seperti manusia

Hospital Veterinar Universiti Putra Malaysia merupakan hospital haiwan terbesar di Malaysia dan mengendalikan 17,000 kes setiap tahun.

DARI dalam sangkar, si bulu putih bernama Shiro itu hanya duduk berdiam diri tanpa mempedulikan keadaan sekeliling. Hanya sepasang matanya merenung kosong tanpa menunjukkan apa-apa reaksi.

Biasanya, kucing jantan berusia dua tahun tersebut lincah dan pantang diagah. Keenganannya menjamah sebarang makanan tambah merisaukan hati pemiliknya.

"Kata doktor, Shiro mengalami depresi. Saya juga tidak begitu pasti punca sebenarnya. Sebelum ini, ia tidak pernah jadi begini.

"Mungkin ia ada masalah dengan beberapa ekor kucing lain yang saya pelihara di rumah," cerita **Zulhaidi Hasril**, 35, kepada *Kosmo!* ketika ditemui di Hospital Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Menurut juruteknik dari Kajang, Selangor itu, Shiro yang dipelihara sejak kecil adalah anak kucing jalanan yang dibuang di rumahnya beberapa tahun lalu.

"Haiwan ini seperti manusia juga. Kadang-kadang jatuh sakit. Kasihan kalau dibiarkan begitu sahaja," ujarnya. Menjengah unit rawatan

rapi (ICU), seekor anjing kelihatan berbaring menghadap dinding di dalam sangkar khas lengkap dengan drip cecair dicucuk pada tubuh pesakit itu.

"Saluran urinya bermasalah. Ia tidak boleh kencing secara normal. Selain itu, ia juga menghidap anemia," ujar petugas wad yang sedang memantau keadaan haiwan itu.

Kelengkapan

Hospital itu turut dilengkapi wad kuarantin, khidmat endoskopi (pemeriksaan organ tubuh),

sonografi (teknik diagnosis ultra bunyi), pembedahan jantung dan rawatan kanser serta wad haiwan besar seperti kuda dan lembu.

Bagi yang mementingkan penjagaan haiwan kesayangan, mengunjungi pusat rawatan veterinar bukan lagi perkara asing malah menjadi satu amalan.

Timbalan Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM Prof. Dr. Abd. Wahid Haron berkata, hospital berkenaan ditubuhkan pada tahun 1975 oleh

fakulti yang ketika itu dikenali sebagai Fakulti Kedokteran Haiwan dan Sains Penternakan.



ZULHAIDI



ABD. WAHID



KLINIK haiwan kesayangan UVH dibuka dari Isnin hingga Jumaat.

Memulakan operasi dengan sebuah klinik haiwan kesayangan, sebuah klinik bergerak dan perkhidmatan makmal, ia kini berkembang menjadi sebuah hospital yang lengkap dengan pelbagai kemudahan untuk merawat pelbagai spesies haiwan.

Nama institusi itu telah diubah beberapa kali. Pada November 1996, ia ditukar kepada Hospital Veterinar Universiti (UVH).

"Secara purata kita menerima 17,000 kes setiap tahun sejak lima tahun kebelakangan ini berbanding 10,000 hingga 11,000 kes pada tahun-tahun terdahulu.

"Peningkatan kes berlaku apabila kesedaran masyarakat berhubung kepentingan penjagaan haiwan peliharaan kian meningkat," katanya.

Beliau yang juga

merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan UVH menambah, pada masa kini, kelompok haiwan kesayangan kian pelbagai bergantung kepada minat dan pilihan pencinta haiwan.

"Pada peringkat awal, perkhidmatan kesihatan lebih tertumpu kepada anjing dan kucing. Kini, masyarakat membela pelbagai jenis haiwan termasuk daripada kumpulan eksotik seperti ular, burung hantu, helang, kura-kura dan sugar glider.

"Belum dikira dengan haiwan ladang, haiwan rekreasi seperti kuda, haiwan yang tinggal di zoo serta hidupan liar di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara seperti gajah dan seladang yang terdiri daripada bermacam-macam spesies dan ragam penyakit